

26/03/2000

Hishammuddin menang tanpa bertanding

KUALA LUMPUR: Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, menang tanpa bertanding jawatan Ketua Pemuda Umno berdasarkan 144 pencalonan yang diperolehinya termasuk dari 20 bahagian semalam.

Ini kerana satu-satu pencabarnya, Raja Munir Raja Mustapha, yang masih kekal dengan satu pencalonan, tidak mempunyai harapan untuk melepasi syarat kelayakan bertanding jawatan itu berikutan hanya tinggal 21 bahagian yang belum bersidang.

Mengikut perlembagaan parti, calon Ketua Pemuda memerlukan 33 pencalonan atau sokongan 20 peratus daripada 165 bahagian.

Hishammuddin memangku jawatan itu selepas bekas Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, meletakkan jawatan pada 6 Oktober 1998.

Sementara itu, dua lagi calon Naib Presiden, iaitu Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan penyandang jawatan, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, layak bertanding jawatan itu.

Syed Hamid memperoleh 21 pencalonan termasuk enam semalam dari bahagian Murudu dan Tanjung Aru (Sabah), Jerlun, Padang Serai, Yan (Kedah) dan Hulu Terengganu. Muhammad yang juga bekas Menteri Besar Selangor pula memperoleh 18 pencalonan termasuk empat semalam dari bahagian Rantau Panjang (Kelantan), Baling (Kedah) Kemaman (Terengganu) dan Murudu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pula mendapat pencalonan dari semua 15 bahagian semalam, iaitu Kemaman, Setiu, Hulu Terengganu, Besut dan Kuala Nerus (Terengganu), Jerlun, Padang Serai, Baling, Merbok, Pendang dan Yan (Kedah), Rantau Panjang dan Pasir Puteh (Kelantan) serta Murudu dan Tanjung Aru (Sabah).

Dengan pencalonan terbaru itu, Dr Mahathir kini mendapat 98 pencalonan manakala Abdullah (97).

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, kekal dengan satu pencalonan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden (dua), tetapi menambah satu pencalonan menjadi empat bagi jawatan Naib Presiden.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, pula terus mendahului senarai calon jawatan Naib Presiden apabila memperoleh 93 pencalonan, termasuk 14 semalam; diikuti Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman (51); Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar (39) dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam (25).

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad, kekal dengan 16 pencalonan, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin (14); Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim (12) dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (2).

Bagi jawatan Ketua Wanita, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz mendapat 79 pencalonan manakala penyandang jawatan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman (59).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil pula mendapat 77 pencalonan untuk jawatan naib ketua, Aionon Khariyah Mohd Abas (41) dan Datuk Napsiah Omar (21).

Bagi jawatan Naib Ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir mendapat 109 pencalonan, Pengerusi Majlis Latihan dan Kemahasiswaan, Zein Isma Ismail (26); Ketua Pemuda Pahang, Mustafa Khalid (7) dan Ketua Pemuda Perlis, Zahidi Zainul Abidin (1).

(END)